

# LAPORAN PENCAPAIAN TAHUN 2024

---

UniMAP 2025

**UCAPAN ALJAN NAIB CANSELOR**

**3 - 5**

**MISI, VISI & NILAI TERAS**

**6**

**PENCAPAIAN TERAS TAHUN 2024**

**7 - 8**

**• TERAS UTAMA**

**9 - 22**

**• TERAS PEMANGKIN**

**23 - 31**

**SIDANG EDITORIAL**

**33**

**ISI  
KANDUNGAN**



**UCAPAN ALUAN**  
**NAIB**  
**CANSELOR**

**Prof. Dato' Ts. Dr. Zaliman bin Sauli**  
Naib Canselor  
Universiti Malaysia Perlis

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh dan Salam Ilmu Keikhlasan, Kecemerlangan UniMAP.

Bismillahirrahmanirrahim,

Fasa III ialah fasa terakhir tahun pelaksanaan UniMAP 2025 yang merangkumi Fasa I,II & III mulai tahun 2018 hingga 2025. Pelan Strategik UniMAP 2025 menjadi landasan utama universiti dalam membina keupayaan dan kecemerlangan melalui Objektif strategik yang telah ditetapkan oleh Jepan (8) teras berikut:

- \*Teras Pengukuhan Akademik;
- \*Teras Pemerkasaan Penyelidikan, Inovasi dan Pengkomersialan;
- \*Teras Pengalaman Kampus Holistik;
- \*Teras Pengantarabangsaan;
- \*Teras Libat Sama dan Pembangunan Komuniti;
- \*Teras Kecemerlangan Bakat;
- \*Teras Pemantapan Infrastruktur; dan
- \*Teras Kelestarian Kewangan

Yang Berhormat Dato' Seri DiRaja Dr. Zambry Abd Kadir, Menteri Pendidikan Tinggi, melalui ucapan Landasan Hala Tuju Kementerian Pendidikan Tinggi 2024 pada 12 Jan yang lalu telah menggariskan 5 Fokus Utama dan 20 Landasan selari dengan matlamat dan hasrat yang telah dirangkumkan dalam Pelan Strategik Pendidikan Tinggi Malaysia 2023-2025. Lima (5) fokus utama yang telah ditekankan oleh YB Menteri ialah:

- \*Pertama, Penyediaan Bakat Terbaik Negara
- \*Kedua, Pengukuhan Ekosistem Penyelidikan dan Inovasi
- \*Ketiga, Pelaksanaan Pendekatan Baharu Program Pemindahan dan Perkongsian Ilmu
- \*Keempat, Pengantarabangsaan Pendidikan Tinggi; dan
- \*Kelima, Pemantapan Ekosistem Pemboleh Daya.

Justeru itu,

Tujuan utama pelaksanaan "**Bengkel Pelan Strategik UniMAP 2025 bagi Tahun 2024**" adalah ingin memohon kepada Ketua Teras UniMAP 2025 untuk meneliti KPI Teras masing-masing dari segi pemetaan kepada Pelan Strategik Universiti agar apa yang telah dihasratkan oleh YB Menteri selari dengan hala tuju UniMAP.

Fokus dan landasan yang telah dilontarkan ini sebenarnya telah memberikan satu perspektif atau dimensi baharu untuk kecemerlangan sesebuah universiti. Kita harus mempunyai daya inovasi, kreatif dan berfikir merentasi sempadan untuk memastikan kita kekal relevan dalam ekosistem pendidikan tinggi negara. Hal ini pasti akan meningkatkan reputasi universiti dan dalam masa yang sama dapat menarik minat pelajar, industri dan komuniti untuk datang ke UniMAP.

Seterusnya, saya akan mencerakinkan hubungkait landasan ini dengan Teras UniMAP 2025 dalam konteks inisiatif yang telah dilaksanakan, pencapaian yang berimpak dan inisiatif yang perlu direncanakan oleh kita semua. Sudah pasti, kita perlu muhasabah dan telus dalam menilai pencapaian. Dengan berbuat demikian, kita dapat tahu di manakah kita sebenarnya dan apa penambahbaikan yang perlu dibuat. Saya mengajak saudara-saudari untuk bersama-sama saya dan pengurusan tertinggi universiti terus melangkah ke hadapan, menggapai impian UniMAP, memenuhi kehendak pelbagai pihak yang berkepentingan terhadap UniMAP, memikul amanah dan tanggungjawab dengan penuh iltizam dan tekad untuk maju.

Sebagai makluman, UniMAP dan jaringan MTUN telah menggaris bawahi hala tuju jangka masa sederhana melalui Pelan MTUN TVET TERMAJU 2030. Draf pelan ini telah mendapat persetujuan KPT dan kini, kita dalam proses untuk menterjemahkan insiatif pelan tersebut dalam Hala Tuju UniMAP 2025 dan seterusnya ke tahun 2030. Ingan saya mengingatkan sekali lagi **Model Kebersamaan Warga UniMAP**. Model ini mengandungi nilai dan amalan kebersamaan yang perlu kita baja setiap hari.

\***Pertama**, setiap warga berkongsi matlamat dan tujuan untuk mencapai visi, misi dan hala tuju UniMAP;

\***Kedua**, setiap warga menggalas dan melaksanakan tanggungjawab untuk menyumbang kepada daya saing, kemajuan dan keharmonian UniMAP;

\***Ketiga**, setiap warga berkongsi keprihatinan dan saling empati kepada keperluan komuniti dan pemegang taruh UniMAP;

\***Keempat**, setiap warga saling mempercayai antara satu sama lain dalam melaksanakan tanggungjawab dan mencapai hala tuju UniMAP;

\***Kelima**, setiap warga saling menghargai bakat, sumbangan dan peranan semua warga UniMAP dalam melaksanakan tanggungjawab masing-masing; dan

\***Keenam**, saling menghormati antara satu sama lain dan meraikan perbezaan serta kepelbagaian sebagai satu kekuatan warga UniMAP.

Akhir kata dengan ini saya merasmikan "**Bengkel Pelan Strategik UniMAP 2025 Tahun 2024**".



## **Misi, Visi & Nilai Teras**

### **MISI**

Melahirkan insan kamil yang menyumbang kepada agenda pembangunan dan daya saing industri negara.


### **VISI**

Universiti Teknikal yang berdaya saing di persada antarabangsa.


### **NILAI TERAS**

Ilmu, Keikhlasan, Kecemerlangan

# BILANGAN TERAS & KPI UniMAP 2025 TAHUN 2024



# PENCAPAIAN UniMAP 2025 TAHUN 2024



# TERAS UTAMA

- 01** TERAS PENGUKUHAN AKADEMIK
- 02** TERAS PEMERKASAAN PENYELIDIKAN, INOVASI & PENGKOMERSIALAN
- 03** TERAS PENGALAMAN KAMPUS HOLISTIK
- 04** TERAS PENGANTARABANGSAAN
- 05** TERAS LIBAT SAMA DAN PEMBANGUNAN KOMUNITI



**TERAS  
PENGUKUHAN AKADEMIK**

### OBJEKTIF STRATEGIK: (OS1) PENERAJU TVET TERMAJU (99.8%)

BIL	KPI	SASARAN 2024	PENCAPAIAN 2024
1	Peratus program TVET termaju yang ditawarkan	63	62.79
2	Bilangan staf yang memperoleh TVET Industrial Trainer Certification	50	76
3	Bilangan makmal industri yang menyokong TVET termaju	18	13

### OBJEKTIF STRATEGIK: (OS2) KEMAMPMANAN ENROLMEN PELAJAR (81.1%)

BIL	KPI	SASARAN 2024	PENCAPAIAN 2024
1	Peratus enrolmen pelajar dalam program TVET di Universiti Awam	43	44.58
2	Bilangan enrolmen pelajar antarabangsa	606	384
3	Bilangan kemasukan pelajar antarabangsa	202	125
4	Bilangan kemasukan pelajar program prasiswazah	3,670	3,950
5	Bilangan kemasukan pelajar program pascasiswa	367	225
6	Bilangan kemasukan pelajar program/kursus Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH)	13,800	32,395

**OBJEKTIF STRATEGIK: (OS3) TENAGA KERJA TERSEDIA INDUSTRI (93.8%)**

BIL	KPI	SASARAN 2024	PENCAPAIAN 2024
1	<b>Bilangan program 2U2i/3U1i</b>	8	7
2	<b>Bilangan pelajar yang memperoleh pensijilan industri</b>	200	391
3	<b>Bilangan penyertaan pelajar dalam program Community Resilience Experiential learning (CARE)</b>	2,000	2,464



TERAS  
PEMERKASAAN PENYELIDIKAN, INOVASI &  
PENGKOMERSIALAN

**OBJEKTIF STRATEGIK: (OS1) PEMERKASAAN IMPAK PENYELIDIKAN DI PERSADA ANTARABANGSA (89.8%)**

BIL	KPI	SASARAN 2024	PENCAPAIAN 2024
1	Nisbah penerbitan dalam jurnal dan prosiding berindeks (bagi setiap staf)	1:1.80	1:1.38
2	Peratus kelestarian kolaborasi penyelidikan antarabangsa yang berimpak	43	54
3	Peratus penerbitan jurnal berimpak tinggi (Q1 & Q2)	25	21.52
4	Nisbah sitasi per penerbitan	1:5.00	1:4.81
5	Nilai Field Weighted Citation Impact (FWCI)	1:1.15	1:0.75
6	Peratus penerbitan bersama institusi antarabangsa	50	46.12
7	Peratus penerbitan buku dan bab dalam buku penyelidikan	12	11.09

**OBJEKTIF STRATEGIK: (OS2) PENGUKUHAN EKOSISTEM PENYELIDIKAN DAN INOVASI YANG MAMPAK (83.8%)**

BIL	KPI	SASARAN 2024	PENCAPAIAN 2024
1	Peratus pensyarah yang menjadi penyelidik utama dalam geran penyelidikan (kebangsaan/ industri/ antarabangsa)	60	50.29
2	Nilai perolehan geran tahunan	RM13,000,000.00	RM24,489,602.59
3	Bilangan makmal penyelidikan yang diiktiraf badan akreditasi	3	1

**OBJEKTIF STRATEGIK: (OS3) PEMACU INOVASI DAN PENGKOMERSIALAN (91.7%)**

BIL	KPI	SASARAN 2024	PENCAPAIAN 2024
1	Peratus perolehan geran industri	12	23.88
2	Peratus kolaborasi penyelidikan berimpak bersama industri	50	85.19
3	Bilangan paten/UI baharu yang diperolehi bagi setiap 250 staf akademik	3	2
4	Bilangan inovasi yang telah dilesenkan yang konsisten dalam pasaran	2	2
5	Nilai pendapatan daripada hasil pengkomersialan	RM180,000.00	RM205,194.43
6	Peratusan paten/UI baharu yang difaiklan	25	12.5
7	Bilangan syarikat start-up yang aktif	3	2

TERAS  
PENGALAMAN KAMPUS HOLISTIK

**OBJEKTIF STRATEGIK: (OS1) PENGALAMAN DAN EKOSISTEM PELAJAR HOLISTIK (97.1%)**


BIL	KPI	SASARAN 2024	PENCAPAIAN 2024
1	Peratus Kepuasan Pelajar terhadap kemudahan dan perkhidmatan sokongan	80	73
2	Peratus Pelajar yang terlibat dalam program pembangunan bakat	40	104.55
3	Peratus pelajar yang diiktiraf di dalam dan luar negara	3	3.8

**OBJEKTIF STRATEGIK: (OS2) PELUANG DAN PEMBANGUNAN KERJAYA (97.9%)**

BIL	KPI	SASARAN 2024	PENCAPAIAN 2024
1	Peratus graduan Universiti Awam yang mendapat pekerjaan pada tahun konvokesyen	70	65.59
2	Peratus graduan yang bekerja sendiri pada tahun konvokesyen	8	11.89
3	Peratus graduan yang menerima gaji premium	10	10.31
4	Peratus Pelajar yang terlibat dalam ekosistem Keusahawanan	10	16.79
5	Peratus libat sama Pelajar dengan Industri	50	62.9

**OBJEKTIF STRATEGIK: (OS3) PEMERKASAAN PENGUPAYAAN PELAJAR DAN LIBATSAMA ALUMNI (71.7%)**

BIL	KPI	SASARAN 2024	PENCAPAIAN 2024
1	Peratus Pelajar yang menyertai Program Kesedaran Kesihatan & Kesejahteraan Pelajar	30	51.27
2	Peratus Alumni yang terlibat dalam Program Universiti	2.5	8.33
3	Jumlah Pendanaan Tabung Wakaf Alumni UniMAP	RM200,000.00	RM30,312.56
4	Peratus Pelajar yang menerima Bantuan Kebajikan	40	63.55



TERAS  
PENGANTARABANGSAAN

**OBJEKTIF STRATEGIK: (OS1) KETERLIHATAN ANTARABANGSA YANG TERSERLAH (79.1%)**

BIL	KPI	SASARAN 2024	PENCAPAIAN 2024
1	Peratus program akademik yang dilaksanakan dengan kerjasama institusi pengajian tinggi luar negara dalam pelbagai mod pembelajaran	10	11.65
2	Peratus pelajar institusi luar negara yang menyertai program mobiliti inbound antarabangsa berkredit (1 semester/setara)	1	0.12
3	Peratus pelajar UniMAP yang menyertai program mobiliti outbound antarabangsa berkredit (1 semester/setara)	0.3	0.25
4	Peratus staf institusi luar negara yang menyertai program mobiliti inbound antarabangsa sebagai pakar rujuk kepada Universiti	1	8.29
5	Peratus staf UniMAP yang menyertai program mobiliti outbound sebagai pakar rujuk kepada Universiti antarabangsa	2	3.4



**TERAS**  
**LIBAT SAMA DAN PEMBANGUNAN KOMUNITI**

**OBJEKTIF STRATEGIK: (OS1) MEMACU KESEJAHTERAAN KOMUNITI (95.7%)**

BIL	KPI	SASARAN 2024	PENCAPAIAN 2024
1	Peratus peningkatan perolehan geran komuniti berimpak	15	15
2	Peratus peningkatan pendapatan sampingan komuniti	20	21.42
3	Peratus penciptaan peluang pekerjaan	5	4.47
4	Peratus Indeks Kesejahteraan Komuniti	90	84.16

# TERAS PEMANGKIN





TERAS  
KECEMERLANGAN BAKAT

**OBJEKTIF STRATEGIK: (OS1) MENTRANSFORMASI EKOSISTEM SUMBER MANUSIA BERASASKAN KOMPETENSI (76.3%)**

BIL	KPI	SASARAN 2024	PENCAPAIAN 2024
1	Peratus Staf kompeten yang berkelayakan, berpengetahuan, berkepakaran dan berpengalaman serta mampu menyumbang dalam perkhidmatan, pengajaran, penyelidikan dan khidmat masyarakat	100	76.25

**OBJEKTIF STRATEGIK: (OS2) MEMACU DAYASAING UNIVERSITI MELALUI PEMBANGUNAN KAPASITI (94.6%)**

BIL	KPI	SASARAN 2024	PENCAPAIAN 2024
1	Peratus bakat (akademik dan bukan akademik) dengan kelayakan profesional atau pengalaman industri (sekurang-kurangnya 6 tahun secara kumulatif)	35	29.97
2	Peratus Staf yang berkualiti dan mempunyai taraf pendidikan yang tinggi	75	73.62
3	Peratus Staf yang berpengetahuan dan berkemahiran dalam meningkatkan kecekapan dan produktiviti organisasi	80	81.22
4	Bilangan Staf Akademik dan Pentadbiran yang berkelayakan profesional yang diiktiraf	40	35

**OBJEKTIF STRATEGIK: (OS3) MEMBANGUNKAN BAKAT KEPEMIMPINAN INSTITUSI YANG BERPRESTASI TINGGI (100.0%)**

BIL	KPI	SASARAN 2024	PENCAPAIAN 2024
1	Peratus Staf yang telah diprofil bagi pencalonan Jawatan Strategik	30	50
2	Peratus Staf yang diprofil yang berjaya mengikuti Program Kepimpinan dengan sulaman modul yang kompetitif	15	32.25

**OBJEKTIF STRATEGIK: (OS4) MENINGKATKAN KETERLIHATAN JENAMA MENERUSI KECEMERLANGAN BAKAT UNIVERSITI (26.7%)**

BIL	KPI	SASARAN 2024	PENCAPAIAN 2024
1	Bilangan Staf yang diiktiraf/menerima pengiktirafan	60	16



# TERAS PEMANTAPAN INFRASTRUKTUR

**OBJEKTIF STRATEGIK: (OS1) MENUJU IMPLEMENTASI KAMPUS PINTAR (98.6%)**

BIL	KPI	SASARAN 2024	PENCAPAIAN 2024
1	Peratus peluasan akses wifi di zon pentadbiran, Dewan Kuliah & Bilik Kuliah di kampus UniMAP	55	55.36
2	Peratus Kesediaan Infostruktur Pelaksanaan Kampus Pintar	70	100
3	Peratus Implementasi Aplikasi Pintar	70	67
4	Peratus liputan pengawasan di kampus Pauh Putra	30	25

**OBJEKTIF STRATEGIK: (OS2) MENUJU KAMPUS UNIMAP YANG MAMPAH (84.6%)**

BIL	KPI	SASARAN 2024	PENCAPAIAN 2024
1	Kadar Penggunaan Tenaga Elektrik	5	7.23
2	Peratusan Fakulti/PTj yang mencapai status lestari dan penilaian anugerah sekurang-kurangnya 2 Greenleaf	20	29.79
3	Jumlah kawasan tumbuhan yang ditanam di kampus	2	2.00
4	Jumlah eAduan yang dilaporkan kurang daripada 3% populasi setiap bulan	3	2.4
5	Peratusan pembangunan blueprint UniMAP Lestari	100	100



TERAS  
KELESTARIAN KEWANGAN

**OBJEKTIF STRATEGIK: (OS1) PENGUKUHAN SUMBER KEWANGAN (82.3%)**

BIL	KPI	SASARAN 2024	PENCAPAIAN 2024
1	Peratusan penjanaan pendapatan berbanding jumlah belanja operasi keseluruhan	25	22.11
	Peratusan penjanaan pendapatan berbanding jumlah belanja operasi keseluruhan (berbanding jumlah anggaran)	25	15.61
	Peratusan penjanaan pendapatan berbanding jumlah belanja operasi keseluruhan (berbanding jumlah semasa)	25	26.09
2	Nilai penjanaan melalui syarikat universiti/syarikat terbitan/spin off	RM150,000.00	RM171,783.82
3	Nilai kumulatif dana endowmen yang diperolehi	RM2,500,000.00	RM1,499,829.00
4	Nilai kumulatif dana wakaf yang diperolehi	RM2,500,000.00	RM1,403,788.00

BIL	KPI	SASARAN 2024	PENCAPAIAN 2024
5	Nilai dana zakat yang diperolehi tahun semasa	RM1,000,000.00	RM1,472,220.98
6	Nilai penjanaan Pusat Tanggungjawab/Universiti tahun semasa	RM1,500,000.00	RM2,629,793.54
7	Nilai hadiah/sumbangan tunai yang diperolehi	RM500,000.00	RM176,627.02
8	Nilai pendapatan yang dijana melalui program akademik (yuran pengajian akademik)	RM24,500,000.00	RM20,396,693.00
9	Nilai pendapatan kasar yang dijana melalui program profesional akademik (cth:PDCE/Fakulti)	RM2,000,000.00	RM5,545,028.00
10	Nilai pengewangan aset (sedia ada)	RM1,200,000.00	RM1,355,334.50



*semalam dan hari ini kita diukir Sejarah  
Di mana air mata tidak akan menitik tumpah  
sebab kebulatan ikrar tak akan berubah  
Apa saja, kita tidak akan menyerah*

Usman Awang dalam 'Duri dan Api' (1961) — Amanat NC 2024

# SIDANG EDITORIAL

---

## **Pengerusi**

Prof. Dato' Ts. Dr. Zaliman Sauli

## **Ketua Editor**

Prof. Dr. Khairul Azwan Ismail

Prof. Madya Ts. Dr. Tan Chye Lih

## **Penolong Ketua Editor**

Puan Isma Irini Shafie

Puan Azimah Aziz @ Azaib

## **Ketua Teras**

Prof. Ir. Dr. Mohd Shukry Abdul Majid

Prof. Ir. Dr. Rizalafande Che Ismail

Prof. Ts. Dr. Mohd Mustafa Al Bakri Abdullah

Puan Norsyahiza Hamzah

Encik Rusdi Puteh

Puan Mazmin Mat Akhir

Encik Zainudin Zainon

## **Setiausaha Teras**

Prof. Madya Dr. Mohd Aminudin Jamlos

Puan Azilah Abidin

Puan Wan Andrina Osman

Puan Aizatul Akma Wani Ariffin

Encik Mohd Faiz Mohd Noor

Puan Rohazani Bahari


Encik Abdul Ghani Fathil

Puan Intan Syarmiza Ab Rahman

## **Fotografi**

Pusat Pengurusan Strategi & Kualiti (SQM)

Pusat Komunikasi Korporat (PKK)



## Pusat Pengurusan Strategi dan Kualiti (SQM)

Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)  
Aras 3, Canselor Tuanku Syed Sirajuddin  
Kampus Alam UniMAP Pauh Putra  
02600 Arau Perlis, Malaysia

04 - 941 4131 | [sqmc@unimap.edu.my](mailto:sqmc@unimap.edu.my) | <https://sqm.unimap.edu.my/>

